

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Chew Wei Yi

No. 35, Jalan Tembaga,
Taman Sri SKudai,
81300 Skudai,
Johor Bahru, Johor.

16 Jun 2023

Menemui sahabatku, Cheng Kit yang berada di Batu Pahat Johor. Apa khabar saudara dan keluarga? Saya di sini sihat sejahtera.

Saudara,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk berkongsi maklumat tentang panduan keselamatan di rumah. Untuk pengetahuan saudara, keselamatan di rumah mestilah diutamakan. Hal ini demikian kerana malang tidak berbau. Oleh itu, kita mestilah mengamalkan sikap berjaga-jaga.

Kita mestilah berhati-hati apabila menggunakan saterika elektrik. Jangan biarkan seterika yang panas di atas pakaian. Tutuplah suis saterika jika tidak digunakan.

Selain itu, kita mestilah berwaspada apabila menggunakan peralatan tajam. Antaranya termasuklah pisau, jarum, dan gunting. Simpanlah peralatan tajam tersebut di dalam laci.

Setakat ini sahaja maklumat yang dapat saya kongsi. Sampaikan salam saya kepada keluarga saudara. Sekian, terima kasih.

Yang benar,



SENARAIKAN

Kata Nama Am

Kata Nama Khas

Peribahasa

--

Maksud:

--

Kata Kerja
